## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 15 OKTOBER 2025

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | TVET JAMIN MASA DEPAN ANAK MUDA PERAK, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 9 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | UPM ISSUES PUBLIC APOLOGY OVER CULLING OF STRAY DOGS, NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 6 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 3. | UPM MOHON MAAF KES RACUN, TEMBAK ANJING LIAR, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11 | |
| 4. | 372 PESAWAH MADA TERJEJAS BANJIR DAPAT PAMPASAN SEGERA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 5. | AGROBANK, GETB METERAI KERJASAMA, NIAGA, KOSMO, M/S – 31 | AGROBANK |
| 6. | MORE CHOOSING CHICKEN OVER MUTTON THIS DEEPAVALI, NATION, THE STAR, M/S – 10 | LAIN-LAIN |
| 7. | CATCH DOWN DUE TO CLIMATE CHANGE, NEWS, THE STAR, M/S – 5 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/10/2025 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |

# TVET jamin masa depan anak muda Perak

## Inisiatif Perak seiring agenda keterjaminan makanan negara

**Oleh SAIFULLAH AHMAD**
SUNGAI SIPUT

Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang pertanian membuka peluang baharu serta menjamin masa depan anak muda di negeri Perak.

Bagi usahawan ternak muda, Mohd Afiq Shaharim, 39, negara kini berdepan cabaran keterjaminan makanan dan kekurangan tenaga mahir dalam sektor pertanian.

Menurutnya, langkah kerajaan negeri Perak memperluas penglibatan anak muda dalam bidang TVET amat bertepatan dengan keperluan semasa negara.

"Langkah kerajaan negeri menggalakkan anak muda menyertai TVET memberikan pelbagai manfaat kepada mereka. Kita jauh ketinggalan dengan negara-negara di Asia dalam teknologi pertanian antaranya Thailand.




**Sultan Nazrin berkenan menyampaikan Anugerah Penternak Waja Ruminan kepada Mohd Afiq sempena Perak Agrofest 2025 yang diadakan di Ladang Infoternak di sini baru-baru ini.**

"Di Thailand, mereka boleh manfaatkan sepenuhnya tinja haiwan. Di Malaysia, ramai belum tahu bagaimana menggunakan hasil sampingan pertanian secara maksimum," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau ditemui selepas menerima Anugerah Penternak Waja Ruminan sempena Perak Agrofest 2025 yang diadakan di Ladang Infoternak di sini baru-baru ini.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menyampaikan anugerah tersebut kepada Mohd Afiq dan penerima lain.

Turut berangkat pada majlis itu, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim dengan diiringi Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Mohd Afiq yang mengusahakan ternakan di Ladang Abd Raof Sdn Bhd di Padang Gajah, Trong, Taiping berkata, penglibatannya dalam bidang ternakan bermula sebagai warisan keluarga sebelum mengambil alih sepenuhnya daripada bapa dan pakciknya pada tahun 2010.

Beliau kini menternak 385 ekor lembu di ladang seluas 20 hektar, selain mengusahakan tanaman kelapa sawit, dusun buah-buahan dan getah.

Menurut Mohd Afiq, antara langkah yang diamalkan bagi menampung kos ialah memanfaatkan sepenuhnya sumber makanan dan baja secara dalaman.

Mohd Afiq berkata, penternakan di ladangnya sentiasa dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak cawangan Taiping termasuk dari segi vaksinasi dan program kesihatan haiwan.

Usaha yang dilakukan Mohd Afiq dalam bidang penternakan selari dengan aspirasi Pelan Perak Sejahtera 2030 di bawah Flagship Sekuriti Makanan mahu menjadikan negeri ini sebagai Lembah Bakul Makanan Negara.

Begitu juga dengan tumpuan menerusi bidang kemahiran dalam sektor pertanian yang selari dengan Flagship Koridor TVET Malaysia di bawah pelan pembangunan berkenaan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/10/2025 | NEWS STRAITS TIMES | NEWS | 6 |

COPS TO PROBE

# UPM issues public apology over culling of stray dogs

**KUALA LUMPUR:** Universiti Putra Malaysia (UPM) has issued a public apology over the culling of stray dogs on its campus, following widespread public concern over the viral incident.

"UPM expresses its regret and apologises for the incident involving the handling of stray dogs that was reported to have occurred at the end of 2024," a statement said.

The university said it appreciated the public's concern for animal welfare and stressed its commitment to managing such animals prudently, ethically, and in accordance with current regulations.

It also said that it valued the public's views on the responsibility and importance of safeguarding campus community.

UPM said it had handed over the investigation to the police and the Veterinary Services Department and would provide full cooperation.

As an interim measure, the Occupational Safety and Health Management Office director has been relieved of operational duties, while all stray animal handling activities on campus have been suspended pending a new standard operating procedure (SOP).

The revised SOP will aim to balance human safety, animal welfare and compliance with the Animal Welfare Act 2015.

UPM said it would engage stakeholders to develop a sustainable and responsible approach.

On Oct 3, Association for the Protection of the Natural Heritage of Malaysia vice-president Dr Kartini Farah Rahim alleged that the university's Occupational Safety and Health Administration Office had hired a private pest control company to shoot and poison stray dogs on its campus.

On Oct 8, Serdang police chief Assistant Commissioner Muhamad Farid Ahmad said police had launched an investigation into the claims.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/10/2025 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 11 |


# UPM mohon maaf kes racun, tembak anjing liar

**PETALING JAYA:** Universiti Putra Malaysia (UPM) memohon maaf susulan insiden menembak dan meracun anjing liar di kawasan kampus yang tular di media sosial, baru-baru ini.

UPM berkata, pihaknya memandang serius isu berkenaan yang dilaporkan berlaku penghujung tahun lalu, sambil menzahirkan penghargaan terhadap keprihatinan masyarakat mengenai kebajikan haiwan.

"Universiti komited memastikan setiap tindakan pengurusan haiwan liar dilakukan secara berhemah, beretika dan mematuhi peraturan semasa. Kami turut menghargai pandangan masyarakat tentang kepentingan menjaga keselamatan warga kampus," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Sebelum ini, Naib Presiden Pertubuhan Perlindungan Khazanah Alam Malaysia (Peka), Dr. Kartini Farah Rahim, mendakwa Pejabat Pentadbiran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) UPM, mengupah syarikat kawalan makhluk perosak, menembak dan meracun anjing liar dalam kampus.

Berikutan dakwaan itu, Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Muhamad Farid Ahmad, mengesahkan siasatan dijalankan bawah Seksyen 30(1) Akta Kebajikan Haiwan 2015, memperuntukkan larangan pembunuhan haiwan secara tidak berperikemanusiaan.

UPM menyerahkan kes itu kepada polis dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) untuk siasatan.

Institusi berkenaan turut menangguhkan semua aktiviti pengendalian haiwan liar di kampus sehingga prosedur operasi standard (SOP) baharu dibangunkan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/10/2025 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# 372 pesawah MADA terjejas banjir dapat pampasan segera

**JERLUN:** Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengenalpasti kira-kira 745 hektar tanaman padi terjejas akibat banjir yang melanda beberapa daerah di Kedah, baru-baru ini dengan kerugian lebih RM7.5 juta.

Pengerusinya, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, kira-kira 372 pesawah mengalami kerugian keseluruhan memandangkan tanaman padi sudah mencapai 90 peratus masa penuaian sebelum bencana.

"Kebanyakan petani mengalami kerugian penuh akibat banjir tersebut kerana padi mereka hampir masak. Kami akan memulakan bancian Khamis ini bagi memastikan kerugian setiap pesawah yang terlibat direkod dengan tepat dan layak menerima bayaran pampasan.

"Kami mahu proses ini berjalan cepat. Pampasan daripada pihak insurans akan mengambil masa. Namun kita berharap mangsa yang terlibat memberi kerjasama membolehkan proses ini berjalan lancar," katanya selepas Majlis Peluncuran Kempen Kawalan Keladi Agas di Kawasan Muda di PPK MADA F-II Jerlun Ayer Hitam, di sini semalam.




DR. Ismail Salleh melakukan gimik pada Majlis Peluncuran Kempen Kawalan Keladi Agas di Kawasan Muda di Jerlun, Kedah semalam.

Tambah beliau, MADA berharap pampasan kepada mangsa terjejas dapat disalurkan secepat mungkin bagi meringankan beban selain membolehkan mereka memulakan aktiviti penanaman pada musim akan datang

Menyentuh tentang program tersebut, kata beliau, MADA mengenalpasti keladi agas menjadi salah satu faktor yang menjejaskan hasil padi.

"Didapati infestasi keladi agas di kawasan Muda bagi musim ini melibatkan keluasan sekitar 1,000 hektar dengan peningkatan 30 peratus berbanding musim sebelum ini.

"MADA menjangkakan kadar infestasi bagi keseluruhan kawasan Muda ini di bawah 30 peratus sekiranya peladang melaksanakan kawalan seperti yang disyorkan dalam pakej kawalan keladi agas MADA itu. Kami tidak mahu pesawah mengalami kerugian sebab itu kami laksana kempen ini dan berharap petani akan mematuhinya," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/10/2025 | KOSMO | NIAGA | 31 |

# Agrobank, GETB meterai kerjasama

- **Manfaat perlindungan sehingga RM50,000**
- **Yuran tahunan serendah RM50**

**PETALING JAYA** – Agrobank menandatangani nota kerjasama strategik bersama Great Eastern Takaful Berhad (GETB) untuk menawarkan pelan perlindungan mikro takaful melalui Skim Perlindungan Tenang khusus untuk peserta iTEKAD.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Skim Perlindungan Tenang itu bertujuan untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi komuniti *unserved* dan *underserved* yang menyertai program iTEKAD Agrobank.

Perlindungan mikro takaful itu menawarkan manfaat sehingga RM5,000 kepada peserta sekiranya berlaku musibah seperti kematian atau kemalangan, selain perlindungan penyakit kritikal serta elaun khas bagi kemasukan ke hospital."

"Pelan perlindungan takaful ini adalah mampu milik dengan yuran serendah RM50 setahun. Menariknya, sebahagian yuran perlindungan itu akan ditampung melalui dana kewangan sosial Islam yang disediakan oleh Agrobank dan GETB.

"Kesedaran terhadap perlindungan takaful amat penting sebagai langkah berjaga-jaga menghadapi sebarang kemungkinan.

"Sehubungan itu, Skim Perlindungan Tenang merupakan satu bentuk persediaan awal yang dapat memberikan ketenangan minda kepada peserta iTEKAD, di samping menyediakan sokongan kewangan ketika berdepan situasi sukar," katanya.




**TENGKU AHMAD BADLI SHAH (kanan) dan Abdul Rasheed (empat dari kiri) pada majlis pemeteraian kerjasama strategik antara Agrobank dan GETB di Kuala Lumpur kelmarin.**

Beliau berkata demikian pada Forum Kewangan Islam Global sini kelmarin.

Turut hadir Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour.

Selain itu, melalui kerjasama strategik dengan GETB, Agrobank turut melaksanakan usaha memperkasa komuniti melalui inisiatif literasi kewangan bagi peserta iTEKAD.

"Kami akan terus memainkan peranan strategik dalam memperluas akses kepada kemudahan kewangan khususnya untuk golongan B40 dan berpendapatan rendah.

"Ini sekali gus memastikan agenda keterangkuman kewangan dapat direalisasikan selaras dengan mandat sebagai institusi kewangan pembangunan," kata beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/10/2025 | THE STAR | NATION | 10 |

# More choosing chicken over mutton this Deepavali

By R. SEKARAN, SARBAN SINGH and VENESA DEVI
newsdesk@thestar.com.my




**Healthier choice:** Chickens, like those sold at Chowrasta market in George Town, Penang, seem to be a more popular choice this Deepavali due to cost-saving measures and for health reasons. – ZHAFARAN NASIB/The Star.

GEORGE TOWN: More families are turning to chicken instead of mutton for their Deepavali dishes this year, to save on expenses and for health reasons too. Traders say younger consumers are now more mindful of what they eat, with many opting for lean meat this festive season.

At Chowrasta Market, butcher Habibulah Ismail, 75, said sales have slowed compared with previous years.

"Last year, I sold about 300kg of mutton over the Deepavali week. I don't think I will reach that figure again," added the butcher who has been selling mutton for 50 years.

He said most of his regular customers are older and they stick to mutton due to tradition.

Mutton supplier J. Ganesh, 47, said the shift started a few years ago. "I sold 250kg of mutton in 2023 and 170kg in 2024, with orders so far this year only reaching 120kg," he added.

He said customers were cutting down on red meat for health reasons, with chicken seen as a cleaner, leaner option.

Ganesh added that the switch also helps families manage their budgets. "Chicken is priced at about RM10 per kg, while local mutton can reach RM65 per kg and RM45 for imported cuts," he said.

Chicken trader Nasir Kalam, 34, is expecting a busier festive week. "Last year, I sold about 220 birds. This time, I am expecting to sell over 300," he said, adding that supply and pricing remained stable.

In SEREMBAN, senior state exco member Datuk Seri Jalaluddin Alias said the supply of chicken, mutton and coconuts for Deepavali was sufficient.

The state agriculture, food security and cost of living committee chairman said there will be an additional supply of up to 30 metric tonnes of chicken and five metric tonnes of mutton on a daily basis.

He added that since Deepavali will be celebrated over a long weekend, the authorities have also asked suppliers to provide an additional 40 metric tonnes of beef on a daily basis.

In JOHOR BARU, the supply of mutton and chicken also remained stable.

Johor Indian Petty Traders and Small Business Association chairman D. Ravindran said demand for chicken and mutton had started to rise.

"For now, our members do not have any issues with supplies, and we do not see signs of problems arising over the next few days," he said.

Econsave Cash & Carry Sdn Bhd (Econsave) general manager Mas Imran Adam said a spike in demand was expected from this weekend.

"Besides coconut, mutton and chicken, demand for potatoes, garlic and onions is also usually high during Deepavali," he said.

Johor Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) director Lilis Saslinda Pornomo said consumers who experienced shortages of essential items during the festive season should report to the ministry.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/10/2025 | THE STAR | NEWS | 5 |





Shifting weather patterns have adversely affected the livelihoods of fishermen, seen here at Kampung Pendas Laut Fishermen Jetty in Gelang Patah, Johor.

# Catch down due to climate change

## Unpredictable weather conditions a bane for Gelang Patah coastal fishermen

**Story and photos by ZAZALI MUSA**
metro@thestar.com.my

GOING out to the sea is becoming more challenging for coastal fishermen in Gelang Patah, Johor, who are blaming the changing weather patterns for their predicament.

Fisherman Faidarus Abd Rahim said weather patterns and atmospheric conditions were fairly predictable in the past.

"But today, we can't totally rely on the weather forecast," he said when met at the Kampung Pendas Laut Fishermen Jetty in Gelang Patah.

Faidarus, who started going out to sea at the age of 13, said due to climate change, weather conditions were hard to predict.

He said for generations, the Malaysian fishing community's lives and livelihoods had been defined by seasonal monsoon winds.

"This knowledge is passed down from our grandfathers to our fathers and from us to our sons," said Faidarus.

He said the prawn population would usually flourish during the southwest monsoon, typically occurring from late May or early June until September.

However, he said prawns were hard to come by this year.

Faidarus said this was unlike what fishermen in Pontian in the west coast and Sedili in the east coast had experienced as they enjoyed bountiful catches.

"On Oct 1, I only managed to harvest about 11kg of prawns from 6am to 10am," he said.

Basirun Salikun agreed that climate change and shifting weather patterns had impacted the marine life breeding cycle.

"Gelang Patah coastal fishermen are usually blessed with plentiful crabs, prawns and fish from August to September but not this year," he said.

Basirun, who has been a fisherman for 43 years, attributed this phenomenon to wind patterns.

He said warmer seawater was not ideal for marine life, and they would have probably moved to cooler climes.

"Even low and high tides at Gelang Patah seem to have changed in recent years," he said.

"I find that the time between high and low tide phases seems to have shortened," he claimed.

"We depend on the sea for our livelihood, regardless of changing weather patterns, as this is the only job we know," he added.



Prawns are harder to come by in waters off Gelang Patah before September, unlike in past years.



Faidarus: Climate change has affected weather patterns.



Basirun: Warmer seawater not ideal for marine life.